



برونئي دارالسلام سنترال بڠݢا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

## **Brunei Darussalam Central Bank**

### **Kenyataan Dasar**

**2/2021**

Tarikh: 22 Disember 2021

#### **Perkembangan Ekonomi Global dan Serantau**

1. International Monetary Fund (IMF) dalam laporan *World Economic Outlook* keluaran Oktober 2021 telah menurunkan unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2021 daripada 6.0% kepada 5.9%. Pengemaskinian ini mengambil kira penurunan dalam jangkaan pertumbuhan ekonomi maju sebanyak 0.4 mata peratusan (*percentage points*), yang sebahagian besarnya disebabkan oleh gangguan rantaian bekalan global yang berlanjutan. Pada masa yang sama, unjuran pertumbuhan bagi ekonomi membangun dan baru muncul dinaikkan sebanyak 0.1 mata peratusan, dengan pertumbuhan yang kukuh bagi negara-negara pengeksport komoditi berbanding dengan pertumbuhan yang lemah di negara-negara yang menghadapi situasi pandemik yang semakin teruk. Oleh itu, secara keseluruhannya, kadar pemulihan adalah berbeza dan bergantung kepada keupayaan negara masing-masing dalam mengurangkan impak COVID-19 dan perkembangan suntikan vaksin, serta rangsangan ekonomi yang mencukupi. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa risiko *downside* terhadap jangkaan tersebut termasuk penyebaran varian Delta, ancaman varian yang baharu, dan akses untuk mendapatkan vaksin yang masih tidak mencukupi keperluan semua pihak.

2. Harga minyak melonjak dalam beberapa bulan kebelakangan berikutan peningkatan permintaan minyak global yang didorong oleh pemulihan ekonomi dan bekalan minyak global yang ketat berikutan kawalan bekalan oleh Organization of Petroleum Exporting Countries (OPEC) dan negara sekutunya. Harga gas cecair asli juga telah meningkat pada tahun ini disebabkan oleh faktor-faktor yang berkaitan dengan cuaca dan kekurangan inventori. Namun, ketidaktentuan harga gas cecair asli dijangka akan berterusan dalam jangka masa pendek.
3. Meskipun kebanyakan bank-bank pusat terus mengekalkan dasar akomodatif mereka dalam memulihkan ekonomi yang masih rapuh, sebahagiannya telah mengetatkan dasar monetari untuk menangani tekanan inflasi yang semakin meningkat dan juga sebagai mengawal pendedahan kepada beban hutang yang semakin tinggi dan memastikan kestabilan sistem kewangan. Walau bagaimanapun, mengambil kira ketidaktentuan yang berkaitan dengan COVID-19 akan terus menjadi kebimbangan utama bagi bank-bank pusat semasa pandemik ini, persekitaran dasar monetari global dijangka akan kekal akomodatif di dalam tempoh yang terdekat. Penggubal-penggubal dasar perlu meneruskan pemantauan perkembangan tersebut dan bersedia untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menjaga kestabilan kewangan.

### **Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam**

4. Pada separuh pertama tahun 2021, ekonomi domestik telah menurun sebanyak 1.5%. Penurunan tersebut sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh kemerosotan Sektor Minyak dan Gas sebanyak 4.5% berikutan dengan penurunan aktiviti Perlombongan Minyak dan Gas sebanyak 3.7% dan Pembuatan Gas Cecair Asli (LNG) sebanyak 6.4%. Pada masa yang sama, Sektor Bukan Minyak dan Gas telah meningkat sebanyak 3.2% yang disumbangkan oleh kenaikan Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan (57.1%), Sektor Perkhidmatan (2.3%), dan Sektor Perindustrian (0.4%). Peningkatan yang paling ketara dalam Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan adalah dari pengeluaran Ternakan (131.6%) dan Perikanan (31.8%), sementara sebahagian besar dari peningkatan dalam Sektor

Perkhidmatan adalah disumbangkan oleh Restoran (17.8%) dan Lain-lain Perkhidmatan Sosial dan Persendirian (11.8%). Bagi Sektor Perindustrian, terdapat kenaikan dalam Pembuatan Pakaian dan Tekstil (38.3%) dan Pembuatan Produk Makanan dan Minuman (26.8%).

5. Sejak awal bulan Ogos 2021, gelombang kedua jangkitan COVID-19 telah membawa kepada pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan penularan wabak dan penutupan sementara operasi beberapa sektor perniagaan, yang dijangka akan memberi impak negatif ke atas prospek pertumbuhan ekonomi pada separuh kedua tahun 2021. Dengan pertumbuhan negatif pada separuh pertama tahun 2021, prospek pertumbuhan bagi 2021 secara keseluruhannya berkemungkinan lemah. Walau bagaimanapun, permulaan Fasa Peralihan pada 19 November 2021 dengan sebahagian langkah-langkah sekatan telah dilonggarkan adalah perkembangan yang positif bagi ekonomi negara.
6. Indeks Harga Pengguna (IHP) telah meningkat sebanyak 1.7% tahun-ke-tahun dalam tempoh Januari hingga September tahun 2021. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan harga Kenderaan Bermotor, Pengangkutan Udara, dan Makanan seperti Daging, Minyak dan Lemak serta Sayur-Sayuran.
7. Tren peningkatan harga bagi beberapa barang dalam IHP pada bulan Januari hingga Ogos 2021 dijangka akan berterusan dengan mengambilkira kenaikan harga akibat gelombang kedua jangkitan COVID-19. Kadar inflasi global juga dijangka akan meningkat selaras dengan pemulihan ekonomi global. Selain itu, Monetary Authority of Singapore telah mengetatkan dasar monetarinya pada bulan Oktober 2021 dengan meningkatkan sedikit kadar kenaikan *Singapore dollar Nominal Effective Exchange Rate (S\$NEER)*. Impak peningkatan ini kepada kadar inflasi Negara Brunei Darussalam dijangka terhad disebabkan oleh persamaan nilai dolar Brunei dengan dolar Singapura. Mengambil kira faktor-faktor di atas, unjuran inflasi BDCB bagi tahun 2021 kekal dalam lingkungan 1% hingga 2%.

### **Perkembangan Sektor Kewangan Negara Brunei Darussalam**

8. Sektor Kewangan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada institusi-institusi kewangan Islam dan konvensional mencatatkan nilai aset sistem kewangan secara keseluruhan berjumlah BND23.4 bilion pada suku ketiga tahun 2021, iaitu peningkatan sebanyak 7.5% tahun-ke-tahun. 58.3% (BND13.6 bilion) daripada jumlah aset sistem kewangan adalah merupakan aset kewangan Islam. Sementara itu, jumlah keseluruhan aset industri perbankan telah meningkat sebanyak 7.3% tahun-ke-tahun kepada BND19.2 bilion, disumbangkan oleh peningkatan dalam pelaburan luar negara. Deposit industri perbankan juga telah meningkat sebanyak 11.7% tahun-ke-tahun kepada BND16.1 bilion yang disebabkan oleh peningkatan dalam *demand deposits*.
9. Di dalam analisa *macro-prudential* BDCB, tahap keseluruhan risiko Sektor Perbankan pada suku ketiga telah meningkat sedikit berbanding pada suku kedua tahun 2021. Faktor penyumbang utama kepada peningkatan risiko tersebut adalah gelombang kedua penularan wabak COVID-19 di negara ini yang dijangka akan memberi kesan negatif kepada ekonomi dengan kesan limpahan kepada Sektor Kewangan.
10. Namun begitu, kedudukan modal industri perbankan pada suku ketiga tahun 2021 kekal kukuh dan terus berdaya tahan dengan *Capital Adequacy Ratio* agregat sebanyak 20.3% iaitu melebihi keperluan minima 10% seperti mana yang ditetapkan di dalam Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Sektor Perbankan juga mempunyai aset cair yang mencukupi dengan nisbah Aset Cair kepada Aset Keseluruhan (*Liquid Assets-to-Total Assets ratio*) sebanyak 49.2% pada suku ketiga tahun 2021 untuk menyokong aktiviti-aktiviti perantaraan kewangan.
11. Dengan sokongan modal yang kukuh dan penimbang kecairan, bank-bank telah dapat meneruskan aliran kredit kepada ekonomi di mana jumlah keseluruhan pinjaman/pembayaran telah menunjukkan peningkatan sebanyak 2.6% kepada BND6.0 bilion pada suku ketiga tahun 2021 berbanding dengan BND5.8 bilion pada tahun lepas. Sementara itu, kualiti aset bagi Sektor Perbankan juga telah bertambah baik pada suku ketiga tahun 2021 dengan nisbah pinjaman/pembayaran

tertunggak jumlah bersih (NPLF) pada 2.0% berbanding dengan 2.4% pada tahun lepas.

12. Oleh sebab ketidakpastian yang meningkat berikutan dengan penularan wabak pandemik COVID-19 dan juga persekitaran kadar faedah global yang rendah, pulangan keuntungan dari Sektor Perbankan mencatatkan penurunan dengan agregat nisbah Pulangan kepada Aset sebanyak 1.5% dan Pulangan kepada Ekuiti sebanyak 9.5%. Namun, Sektor Perbankan masih dapat terus memberikan bantuan sewajarnya kepada peminjam yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
13. BDCB telah melancarkan Program BDCB Islamic Bills (BDCB I-Bills) pada bulan Oktober 2020 bagi membantu institusi-institusi perbankan domestik untuk mengurus kecairan (*liquidity management*) dengan lebih cekap dan berkesan, serta mempelbagaikan instrumen *money market*. Sejak Oktober 2020, BDCB telahpun mengeluarkan sebanyak 50 siri BDCB I-Bills (BND1.3 bilion) dengan jumlah yang aktif sebanyak BND49 juta pada 19 November 2021.
14. Mengambil kira gelombang kedua penularan wabak COVID-19, BDCB telah mengeluarkan kenyataan bertulis kepada setiap institusi kewangan berlesen di Negara Brunei Darussalam dan peserta BDCB FinTech Regulatory Sandbox untuk mengukuhkan langkah-langkah pembendungan yang bersesuaian. Kenyataan juga telah dikeluarkan kepada setiap institusi kewangan berlesen untuk memastikan ketersediaan wang tunai yang mencukupi bagi memastikan keyakinan orang ramai terhadap Sektor Perbankan. BDCB juga telah menggariskan jenis perkhidmatan kewangan yang dianggap penting dan laporan-laporan yang perlu terus dihadapkan.
15. BDCB turut mengekalkan fleksibiliti sementara terhadap peraturan bank dan syarikat kewangan mengenai klasifikasi pinjaman/pembentangan. BDCB akan secara berterusan menilai impak langkah-langkah interim dan bersedia untuk membatalkan langkah-langkah berkenaan, apabila keadaan mengizinkan. Di samping itu, BDCB akan terus memantau perkembangan ekonomi dan Sektor Kewangan dan akan bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam

mendukung proses pemulihan aktiviti perekonomian serta memastikan kestabilan Sektor Kewangan.

## **Perkembangan Masa Depan**

16. Dalam usaha ke arah digitalisasi dengan mengautomasikan pengurusan data, BDCB telah menaik taraf platform *Centralised Statistical System* (CSS) dengan penambahan modul pelesenan yang membolehkan pengautomasian proses secara menyeluruh bagi permohonan baru dan pembaharuan lesen-lesen yang dikeluarkan oleh BDCB. Modul ini akan dilancarkan kepada institusi kewangan secara berperingkat pada tahun 2022. CSS merupakan satu portal tunggal dalam talian yang telah diperkenalkan pada bulan Mei 2017 untuk mengumpul data daripada semua pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk institusi-institusi kewangan yang dikawal selia oleh BDCB. Sebagai satu penyelesaian *supervisory technology* (SupTech), peningkatan ke atas sistem CSS akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi tujuan mempertingkatkan produktiviti, efisiensi dan keberkesanan, sambil mengekalkan kualiti, konsistensi dan integriti data.

Sumber-sumber data:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES)  
International Monetary Fund (IMF)